



TWEET DR. ASMADI



Prof. Madya Dr. Asmadi Mohamed Naim
Dekan Pusat Perniagaan Islam (IBS)
Universiti Utara Malaysia
asmadinaim@gmail.com



Saya berminat untuk melabur dalam pasaran saham. Apakah hukum membeli saham?

A Harus melabur dalam pasaran saham tertakluk kepada syarat-syaratnya. Walaupun begitu, saudara perlu memahami beberapa perkara berkaitan saham, antaranya:


Saham adalah satu sijil yang mengiktiraf pemilikan seseorang terhadap aset sesuatu syarikat (termasuk segala hutang). Semakin banyak seseorang memiliki sesuatu unit saham, maka semakin meningkat pemilikannya di dalam syarikat tersebut.

Keharusan melabur dalam mana-mana syarikat tertakluk kepada jenis teras perniagaan yang dijalankan oleh syarikat tersebut. Kaedah pembelian sesuatu saham boleh menyebabkan sesuatu transaksi itu jadi haram walaupun saham tersebut saham yang harus dibeli.



Apakah kriteria syarikat yang boleh dibeli sahamnya?

A Harus membeli saham syarikat yang berniaga pada perkara-perkara yang halal dan tidak terlibat dengan aktiviti-



Halalkah Pelaburan SAHAM Saya?

Fahami perbezaan hukum antara syarikat patuh syariah secara menyeluruh dan syarikat patuh syariah yang bercampur dengan unsur tidak patuh syariah.

aktiviti yang haram seperti pinjaman riba, hiburan dan lain-lain. Syarikat ini digelar sebagai syarikat patuh syariah.

Terdapat jenis syarikat yang kedua iaitu syarikat yang mempunyai perniagaan teras patuh syariah, tetapi turut terlibat dengan perniagaan bukan teras yang tidak patuh syariah. Syarikat sebegini dikenali sebagai syarikat bercampur.

Secara asalnya, haram hukumnya membeli saham syarikat yang berniaga perkara-perkara halal, tetapi masih terlibat dengan aktiviti haram seperti membuat simpanan dalam bank-bank konvensional, mengambil pinjaman secara riba, menggunakan skim insuran (bukan takaful) atau masih mempunyai aktiviti bukan teras pada perkara-perkara haram.

Walaupun begitu, apabila

melihat keperluan semasa, ulama sebagaimana diterangkan oleh Pertubuhan Akauntan dan Audit untuk Institusi Kewangan Islam (AAOIFI) mengharuskan pembelian saham syarikat sebegini dengan syarat:

○ Tiada syarat dalam syarikat tersebut yang mewajibkan berurus niaga secara riba atau perkara haram.

○ Kadar hutang secara riba tidak melebihi 30% daripada harga pasaran keseluruhan saham, walaupun pihak pengurusan sebenarnya masih berdosa kerana terlibat dengan riba.

○ Kadar wang simpanan secara riba tidak melebihi 30% daripada harga pasaran keseluruhan saham syarikat.

○ Pendapatan secara riba tidak melebihi 5% daripada keseluruhan pendapatan syarikat.

○ Wajib membersihkan pendapat haram tersebut melalui sedekah kepada pihak-pihak luar yang memerlukannya.

Q Bagaimana untuk mengetahui sesuatu pengeluaran saham itu merupakan syarikat patuh syariah atau syarikat haisif?

A Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) ada mengeluarkan senarai syarikat patuh syariah setiap enam bulan. Sila rujuk kepada senarai tersebut melalui *website* mereka.

Q Adakah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) menggunakan syarat-syarat yang untuk nyatakan di atas?

A Secara umumnya garis panduan AAOIFI dijadikan rujukan oleh kesemua pengawal kewangan Islam termasuk SC, namun SC juga mempunyai metodologi sendiri untuk mengenal pasti syarikat-syarikat yang disenaraikan sebagai syarikat patuh syariah iaitu (lihat *website* Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di www.sc.com.my):

TANDA ARAS 5 PERATUS

Pendapatan syarikat daripada aktiviti tidak patuh syariah tidak melebihi lima peratus (5%). Tanda aras ini digunakan bagi mengukur tahap percampuran sumbangan aktiviti yang jelas keharamannya (tidak selaras dengan syariah) seperti riba (syarikat berasaskan faedah seperti bank konvensional), judi, minuman keras dan daging babi.

TANDA ARAS 10 PERATUS

Pendapatan syarikat daripada aktiviti tidak patuh syariah tidak melebihi sepuluh peratus (10%). Tanda aras ini digunakan bagi mengukur tahap percampuran sumbangan aktiviti yang melibatkan unsur 'umum balwa' iaitu perkara terlarang yang melibatkan

kebanyakan orang dan sukar untuk dielakkan.

Contoh sumbangan tersebut adalah pendapatan faedah daripada simpanan tetap dalam bank konvensional. Tanda aras ini juga digunakan bagi aktiviti yang melibatkan tembakau.

TANDA ARAS 20 PERATUS

Pendapatan syarikat daripada aktiviti tidak patuh syariah tidak melebihi 20 peratus. Tanda aras ini digunakan bagi mengukur tahap percampuran sumbangan terimaan sewaan daripada aktiviti tidak patuh syariah seperti terimaan sewaan premis yang menjalankan aktiviti perjudian, jualan arak dan sebagainya.

TANDA ARAS 25 PERATUS

Pendapatan syarikat daripada aktiviti tidak patuh syariah tidak melebihi 25 peratus. Tanda aras ini digunakan bagi mengukur tahap percampuran sumbangan aktiviti yang secara umumnya selaras dengan syariah dan mempunyai masalah kepada masyarakat awam, namun terdapat unsur lain yang boleh menjejaskan status syariah aktiviti berkenaan.

Antara aktiviti yang mempunyai tanda aras ini adalah aktiviti pengoperasian hotel dan pusat peranginan, perniagaan saham, pembrokeran dan sebagainya kerana aktiviti tersebut berkemungkinan melibatkan aktiviti lain yang tidak selaras dengan syariah.

Q Apakah itu 'umum balwa'?

A Penasihat Syariah SC menyatakan harus melabur dalam syarikat-syarikat yang memenuhi tanda aras di atas, namun mereka tidak menyatakan pandangan mereka mengenai kedudukan pendapatan hasil saham-saham syarikat tersebut.

Pada saya, pelabur masih perlu membersihkan pendapatan mereka mengikut klasifikasi kadar tidak patuh syariah iaitu menyucikan 5 peratus, atau 10 peratus, atau 20 peratus, atau 25 peratus.

Q Apakah itu 'umum balwa'?

A Haram hukumnya saudara sengaja terlibat dengan perkara-perkara haram itu. Pengecualian hanya diberikan kepada syarikat-syarikat besar dan berbentuk pemilikan ramai khususnya syarikat berhad dan sukar mengelak perkara-perkara tersebut.

Perlu diingat, pihak pengurusan dan pemegang utama saham syarikat masih dikira berada dalam keadaan berdosa sekiranya mereka meneruskan aktiviti yang diharamkan sedangkan mereka mampu untuk mengubah keadaan tersebut. Semoga Allah ﷻ menguatkan diri kita untuk mencari rezeki secara halal dan tidak 'kelabu mata' apabila diuji dengan mata benda dunia. *Wallahu Ta'ala a'lam.* ﷻ